

68 raja dadah Berjaya diberkas - TPM

21 November 2017

68 raja dadah berjaya diberkas – TPM

KUALA LUMPUR 20 Nov. - Pihak berkuasa berjaya memberkas sebanyak 68 raja dadah di negara ini sejak 2014 hingga Oktober lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, secara keseluruhan, seramai 702,319 pengedar dadah ditahan sepanjang tempoh sama dan daripada jumlah itu, sebanyak 27,914 orang merupakan warga asing.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri memberitahu, kesemua pengedar dadah terbabit telah didakwa di bawah Seksyen

39B Akta Dadah Berbahaya 1952. "Hasil sitaan terhadap barang dan harta pengedar-pengedar berkenaan pula mencecah RM346 juta manakala hak harta yang dilucutkan bernilai kira-kira RM48 juta," katanya selepas mempergerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah di sini, hari ini.

Mesyuarat itu membincangkan pelaksanaan tindakan memerangi ancaman dadah secara serius dengan membentangkan enam kertas pertimbangan dan

dua kertas makluman.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Zahid berkata, seramai 3,336 orang ditahan manakala 252 orang lagi dikenakan perintah sekitan di bawah Langkah-Langkah Pencegahan Khas (LLPK) 1985.

Beliau menambah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut menggeledah 106 makmal memproses dadah dan menahan 409 orang.

"Kita telah mengkategorikan makmal-makmal tersebut iaitu heroin sebanyak 50 makmal, syabu (32 makmal), ekstasi (21 makmal) manakala

dua makmal lagi memproses dadah jenis eramin 5," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Datuk Dr. Abd. Halim Mohd. Hussin berkata, penagih yang telah disahkan melalui ujian air kencing sahaja dimasukkan ke dalam statistik agensi tersebut.

"Kami sentiasa bekerjasama dengan pegawai AADK dan pihak sekolah di peringkat daerah bagi mengumpulkan maklumat dan perbezaan statistik mungkin berlaku," katanya.